

JKM disaran hebah aktiviti

Supaya rakyat tahu bantuan yang disalurkan kerajaan

NURUL FIRDAUS KHAIRI

SEPAANG

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disaran meningkatkan aktiviti hebahan perkhidmatan kebajikan selaras dengan peranan JKJ sebagai peneraju perkhidmatan kebajikan.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, beliau mahu tanggapan masyarakat mengenai kebajikan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan dipandang tinggi berbanding program-program kebajikan yang dilaksanakan oleh kerajaan



MOHAMMAD HANAFI

negeri.

Menurutnya, beliau kesal dengan sesetengah pihak yang melabel kerajaan persekutuan tidak peka dengan kebajikan rakyat sedangkan peruntukkan yang telah disalurkan oleh kerajaan berjuta ringgit.

"Saya pelik rakyat tak sebut bantuan daripada kerajaan persekutuan, kita dah belanja lebih RM120 juta berbanding kerajaan negeri hanya RM15 juta.

"Selangor beri gambaran mereka negeri kebajikan. Ini



Noh ketika menyampaikan kerusi roda kepada salah seorang penerima.

adalah kelemahan BN, kita tak pandai war-warkan program dan apa yang kita bantu, apa yang kita tolong berbanding budaya kerajaan negeri, riuh sekampung," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Kembara Kebajikan 1 Malaysia

Peringkat Negeri Selangor di Dewan Besar Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), semalam.

Noh berkata, tidak dinafikan kerajaan negeri banyak buat program dan mempunyai hebahan yang hebat namun kerajaan persekutuan jauh lebih banyak salurkan

peruntukkan kepada rakyat walaupun rakyat masih tidak nampak perkara itu.

Jadi katanya, beliau mahu semua pihak meningkatkan hebahan bagi memberi peluang kepada masyarakat faham apakah kebajikan yang kerajaan beri selama ini.

Sementara itu, Pengarah

Kebajikan Masyarakat, Mohammad Hanafi Maulud berkata, sebanyak RM1800 peruntukkan disalurkan kepada lima penerima pelbagai bantuan sempena Program Kembara Kebajikan 1 Malaysia 2018 dan dua warga emas lagi menerima kerusi roda yang turut disampaikan oleh Noh.

Katanya, aktiviti menggerakkan sukarelawan dalam masyarakat itu membantu mereka membersihkan halaman rumah klien, membuat penyelenggaraan kecil rumah seperti membaiki kerosakan kecil serta menghulurkan "food basket" dan barangan penjagaan kebersihan diri.

"Sepanjang 2017, seramai 317 klien terdiri daripada warga emas dan 250 orang kurang upaya telah mendapat manfaat daripada program ini.

"Manakala 164 sukarelawan dikerahkan memberi khidmat terus bagi Program Khidmat Bantu di Rumah 2017," katanya.